

31/10/2001

SRAM batal Terbuka Wanita Malaysia

Rudy Sham Ab Raof

PERSATUAN Raket Skuasy Malaysia (SRAM) mengesahkan Kejohanan Skuasy Terbuka Wanita Malaysia terpaksa dibatalkan berikutan kegagalan mendapatkan penaja.

Ketiadaan pemain nombor satu kebangsaan, Nicol Ann David kerana menyarung jersi negara di Kejohanan Skuasy Monte Carlo turut menjadi penyebab utama kepada pembatalan kejohanan yang bakal berlangsung 28 November ini.

Pengarah Eksekutif SRAM, Lt Kol (B) Wong Ah Jit, berkata sememangnya pembatalan itu agak mengecewakan peminat skuasy negara yang mahu menyaksikan aksi pemain terkenal di negara ini.

"Namun, kami perlu menerima hakikat betapa kedudukan kewangan yang agak meruncing serta ketiadaan penaja memaksa kami membatalkan kejohanan berprestij ini yang menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM60,000.

"Lagipun ketiadaan Nicol yang bakal beraksi di Monte Carlo, Monaco menyebabkan kami mengambil keputusan membatalkannya," kata Ah Jit ketika ditemui di majlis penyampaian Anugerah Daya Usaha Guinness yang ke-186 kepada Nicol di Petaling Jaya, semalam.

Di majlis itu, Nicol menerima sebuah komputer, keris pewter, senaskhah Guinness Book of Records dan sijil peribadi selepas kejayaan memberangsangkan sepanjang tahun ini, termasuk mempertahankan gelaran juara dunia remaja wanita dan meraih pingat emas di Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001, September lalu.

Bagaimanapun, Ah Jit berkata, SRAM menerusi Pengarah Projek 2006, Datuk Mokhzani Mahathir sedang berusaha mendapatkan penaja bagi memastikan Kejohanan Skuasy Terbuka Malaysia bagi acara lelaki pada 9 Disember ini dapat dijalankan.

"Kami sedang berusaha mendapatkan penaja dan Datuk Mokhzani turut bekerja keras bagi memastikan kejohanan yang menelan belanja sebanyak RM120,000 itu tetap diadakan.

"Jika kita gagal mendapat penaja sehingga lusa (Jumaat), kemungkinan besar SRAM terpaksa menangguhkannya. Kini semuanya bergantung kepada usaha Datuk Mokhzani mencari sumbangan," katanya.

Sementara itu, Nicol yang berlepas ke Macau pagi ini untuk menyertai Terbuka Macau berharap berjaya singgah ke suku akhir kejohanan itu.

"Saya diletakkan sebagai pilihan ke-5/8. Saya tidak boleh memberi sasaran tinggi kerana bimbang gagal melakukannya. Saya hanya berharap mampu mara ke suku akhir," katanya.

Pemain berasal dari Pulau Pinang itu akan menyertai kejohanan Terbuka Macau bermula Jumaat ini bersama rakan senegara Sharon Wee, Tricia Chuah dan pemain lelaki Ong Beng Hee.

Nicol dijangka tidak akan menghadapi kesukaran melepasi saingan awal tetapi pemain pilihan kelima kejohanan itu bakal mengharungi saingan sengit di peringkat suku akhir menentang pemain pilihan keempat, Natalie Grinham dari Australia.

Penyertaan lain Nicol dalam sirkit Persatuan Pemain Skuasy Wanita Antarabangsa (Wispa) tahun ini ialah di kejohanan Monte Carlo Classic di Monaco dari 21 hingga 24 November di mana dia akan memulakan kempen menentang pemain pilihan keempat Suzanne Horner dari England.

Selepas kejohanan itu, Nicol dijadual berlatih bersama beberapa pemain terkemuka dunia di Amsterdam, Belanda sekurang-kurang dua minggu.

(END)

